

PERGERAKAN POLITIK MELAYU NEGERI PULAU PINANG SEBELUM 1945*

Oleh

MD. SALLEH BIN MD. GHAUS

POLITIK Melayu Negeri Pulau Pinang seperti negeri-negeri Melayu lain di Tanah Melayu bermula sejak mula wujudnya unit Kesultanan Melayu.¹ Dengan hilangnya kewibawaan Kesultanan Kedah ke atas Negeri Pulau Pinang politik orang-orang Melayu di negeri ini mempunyai hubungan yang rapat dengan kegiatan-kegiatan orang-orang Inggeris di Tanah Melayu amnya dan di Negeri Pulau Pinang khususnya. Inggeris samada secara langsung atau tidak langsung telah membawa masuk unsur-unsur baru dan menambahkan pengalaman orang-orang Melayu dari segi sosial, ekonomi dan politik.

Sementara itu kesedaran Islah di negeri-negeri Asia Barat pada tahun-tahun akhir kurun ke sembilanbelas dan awal kurun kedua puluh telah menular ke Tanah Melayu dan pada satu ketika dalam perkembangannya, Negeri Pulau Pinang menjadi pusat kegiatan golongan yang membawa kesedaran ini. Dengan itu sebelum Perang Dunia II politik Melayu Negeri Pulau Pinang berkembang di atas asas-asas yang disediakan oleh orang-orang Inggeris, dan kesedaran yang menjadi tema utama politik Melayu pada masa itu digerakkan oleh kegiatan-kegiatan gerakan Islah dari Asia Barat.

Latar-belakang Politik Negeri Pulau Pinang Sebelum 1945

Sebelum Perang Dunia Kedua, Negeri Pulau Pinang bersama-sama Singapura dan Melaka menjadi sebahagian daripada tanah jajahan British. Kewibawaan dan kekuasaan ke atas Pulau Pinang berpindah dari orang-orang Melayu kepada British melalui perjanjian² yang ditandatangani pada tahun 1786 di antara Francis Light

* Makalah ini adalah merupakan sebahagian dari Latihan Ilmiah yang dikemukakan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, sesi 1977/78, bertajuk 'Pulau Pinang, 1945—1957 : satu kajian politik Melayu. Makalah ini telah disesuaikan untuk diterbitkan disini — pengarang.

- 1 Untuk mengelakkan kekeliruan penulis menggunakan 'Negeri Pulau Pinang' bagi merujuk kepada kedua-dua Pulau Pinang dan Seberang Prai. Sementara 'Pulau Pinang' dirujuk kepada pulau, dan 'Seberang Prai' bahagian tanah besarnya. Penulis menggunakan 'Pemerintah British' bagi merujuk kepada kerajaan kolonial di Tanah Melayu, dan Kerajaan British' bagi merujuk kepada kerajaan induk di Great Britain. Sebelum diperintah oleh Inggeris, Negeri Pulau Pinang merupakan sebahagian daripada Negeri Kedah. Terdapat dua sumber yang menerangkan asal-usul kerajaan Kedah. Sumber pertama menyebut raja negeri Kedah yang pertama ialah Maharaja Derbar Raja, seorang raja buangan yang berasal dari negeri Farsi. Lihat, Muhammad Hassan bin Tok Kerani Mohd Arshad, *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, D.B.P., Kuala Lumpur, 1964, h. xii—xxiii. Sumber kedua menyebut raja Kedah yang pertama ialah Merung Mahawangsa (Pa' Ong Mahawangsa). Lihat, *ibid.*, h. xiii—xxiii.
- 2 Lihat, "Agreement with the King of Quedah for the Cession of Prince of Wales' Island in 1786". Kedudukan Syarikat di Pulau Pinang diperkukuh melalui perjanjian tahun 1971. Lihat, "Treaty with the King of Quedah 1791". Kedua perjanjian ini dapat dibaca dalam W.G. Maxwell, *Treaties and Engagements Etc.*, London, 1924, pp. 95—98.

bagi pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris dengan Sultan Abdullah Marhum Shah dari Kedah. Apabila Syarikat Hindia Timur Inggeris gagal memenuhi syarat-syarat perjanjian itu, orang-orang Melayu berusaha mendapat balik pulau itu melalui perundingan dan kemudiannya dengan kekerasan. Walau bagaimanapun kesemua usaha itu menemui kegagalan. Ini mengukuhkan pegangan Syarikat Hindia Timur Inggeris ke atas pulau itu dan menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi perjanjian tahun 1800 yang membawa kepada penyerahan Seberang Prai kepada Syarikat.³

Pada mulanya Syarikat Hindia Timur Inggeris tidak mengadakan satu bentuk kerajaan dan pentadbiran yang khusus di Negeri Pulau Pinang.⁴ Bagaimanapun, untuk menjaga kepentingannya di kawasan baru itu, Syarikat melantik seorang *Superintendent*. Kemudiannya, memandangkan Pulau Pinang dan Seberang Prai bertambah maju dari segi ekonomi, pada tahun 1805 Syarikat menjadikannya sebagai sebuah kerajaan yang bertaraf *Presidency* dan mempunyai seorang gabenor. Seterusnya untuk memudahkan pentadbiran dan menjimatkan perbelanjaan, Pulau Pinang dan Seberang Prai bersama Singapura, Melaka dan Dinding telah dicantumkan ke dalam Negeri-negeri Selat (*The Straits Settlements*) pada tahun 1826.

Bagaimanapun, kepentingan Negeri Pulau Pinang dari segi ekonomi mula tergugat dengan tertubuhnya pengkalan Syarikat di Singapura pada tahun 1819 yang menjadi salah satu daripada sebab-sebab Negeri Pulau Pinang diturunkan ke taraf yang lebih rendah dari *residency* dan peranannya sebagai pusat pentadbiran Negeri-negeri Selat berpindah ke Singapura. Seterusnya, pada tahun 1867 Syarikat telah menyerahkan miliknya termasuk Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan British. Mulai tarikh itu Negeri Pulau Pinang menjadi sebahagian daripada tanah jajahan British.

Pada umumnya, sebelum meletus Perang Pasifik, Negeri Pulau Pinang telah menjadi sebuah negeri yang bukan saja mempunyai penduduk berbilang kaum tetapi juga majmuk⁵ sifatnya. Semasa Francis Light menduduki Pulau Pinang penduduknya berjumlah cuma lima puluh orang sahaja, tetapi lapan tahun kemudiannya angka itu meningkat kepada 20,000 orang terdiri dari Melayu, China, India

3 Lihat, "Treaty with the King of Quedah, 1800", dalam *ibid.*, pp. 98–100. Perkembangan yang membawa kepada penyerahan Pulau Pinang dan Seberang Prai kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris dapat dibaca di dalam, Alfred P. Rubin, *The International Personality of the Malay Peninsula*, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974, pp. 125–151.

4 Fred A. Thomasz, *A School Geography and History of Penang*, The Methodist Printing House, Singapore, 1917, p. 28.

5 'Masyarakat majmuk' difahamkan sebagai satu masyarakat di mana kegiatan-kegiatan dan organisasi kehidupan tiap-tiap kaum di selenggarakan berasingan. Konsep 'majmuk' dikemukakan oleh Khoo Kay Kim. Lihat, Rachmanmat (penyusun), *Sejarah Malaysia Modern*, Penerbitan Adabi, Petaling Jaya, 1976, h. 48.

dan lain-lain kaum.⁶ Pada tahun 1947 angka ini telah bertambah kepada 446,321 orang bagi seluruh Negeri Pulau Pinang. Dari jumlah ini orang-orang Melayu Semenanjung ialah seramai 133,205 orang, lain-lain rumpun Melayu 2,958, China 247,366, India 57,157, orang-orang Eropah dan Eurasian 3,651 dan kaum lain 1,948.⁸ Seramai 86,288 orang Melayu tinggal di Seberang Prai, sementara 46,912 tinggal di Pulau Pinang iaitu 19,513 di kawasan bandar dan yang bakinya di kawasan luar bandar.⁷ Dari angka di atas dapat dibuat satu kesimpulan umum iaitu sejumlah besar orang-orang Melayu tinggal di kawasan luar bandar di mana kegiatan ekonomi terhad kepada pertanian. Sementara kaum-kaum bukan Melayu kebanyakannya tinggal di bandar dan bergiat dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Keadaan ini bukan saja mempengaruhi perkembangan ekonomi tetapi juga mendatangkan kesan yang berbeza kepada berbagai kaum. Keadaan ini menjadi salah satu daripada faktor-faktor penting yang menimbulkan dan menggerakkan kesedaran terhadap masa depan orang-orang Melayu di Negeri Pulau Pinang.

Salah satu daripada faktor-faktor yang melemahkan kedudukan orang-orang Melayu di Negeri Pulau Pinang ialah kerana kecilnya penduduk Melayu berbanding dengan kaum-kaum lain. Tambahan pula, keadaan terpisahnya masyarakat Melayu daripada pemerintahan tradisi dalam jangkamasa lebih dari seratus tahun, membantut pertumbuhan dan kemunculan golongan 'elite tradisi'.⁸ Peranan 'elite tradisi' ini sesungguhnya begitu penting dalam politik Melayu, kerana mereka bukan sahaja merupakan golongan yang 'terpelihara' oleh Pemerintah British tetapi mereka juga dapat bertindak sebagai pemimpin dan tenaga '*check and balance*' terhadap tindak-tanduk British.⁹ Ketiadaan golongan 'elite tradisi' Melayu ini meletakkan harapan politik mereka kepada Pemerintah British. Walau bagaimanapun kekosongan dalam kepimpinan Melayu ini sedikit sebanyak diisi oleh golongan 'elite moden' iaitu golongan yang mendapat pendidikan. Ini bermakna golongan yang kaya dan mempunyai kemampuan untuk mendapatkan pelajaran akan mengisi kekosongan itu. Ini merupakan satu pola dalam perkembangan kesedaran Melayu di Negeri Pulau Pinang pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua.

6 *Straits Echo*, 12.8.1947, p. 6.

7 Federation of Malaya, *A Report on the 1947 Census of Population*, Govt. Printer, Kuala Lumpur, 1949, p. 134.

8 Pada umumnya 'elite' adalah dirujuk kepada segolongan orang yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat. Mereka adalah golongan yang penting dalam sesuatu bidang tertentu, terutamanya dalam pemerintahan. Dari kelompok 'elite' ini munculnya ahli-ahli pemerintah. Lihat, Julius Gould & William L. Kolb, *A Dictionary of Social Sciences*, Thavistock Publication Ltd., London, 1959, p. 234. Perbincangan mengenai 'elite' boleh dibaca dalam, Harold D. Lasswell & Daniel Lerner, *World Revolutionary Elites*. The M.I.T. Press, Massachusetts, 1965, pp. 1-28; dan, William Kornhauser, *The Politics of Mass Society*, Routledge & Kegan Paul, London, 1965, p. 51.

9 Rahmat bin Saripan, "Kemajuan Pelajaran: Suatu Thema Penting Dalam Kegiatan Ber-corak Politik Kebangsaan Melayu Di Tahun-tahun 1930an", dalam, *Jurnal Sejarah*, Jilid XI, 1972/1973, h. 1.

Kemunculan Kesedaran Kebangsaan Melayu

Kesedaran kebangsaan Melayu mempunyai hubungan rapat dengan gerakan Islah Islam di Asia Barat yang dipelopori oleh Syed Jamaluddin Al Afghani, Mohamad Abduh dan Rashid Ridha. Melalui majalah *Al Manar* yang diterbitkan di Kahirah dan *Al Urwatuk Wuthqa* yang diterbitkan di Paris, 'golongan Al Manar' ini memajukan gagasan-gagasan pembaharuan. Kegiatan Islah Islam ini mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu yang menuntut pelajaran di Universiti Al Azhar,¹⁰ dan bersama-sama dengan pelajar-pelajar dari Indonesia telah menubuhkan persatuan dan menerbitkan akhbar *Seruan Azhar*.¹¹

Gagasan Islah Islam ini telah dibawa dan dikembangkan ke Tanah Melayu oleh Sheikh Mohd Tahir Jalaluddin, Syed Sheikh bin Ahmad Al Hadi, Sheikh Mohamad Salim Al Kalali, dan Haji Abbas bin Mohd Taha. Pada deked-diked awal kurun ke duapuluh dengan berpusat di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang golongan Islah Islam ini menerbitkan majalah dan akhbar bagi menyampaikan gagasan Islah Islam kepada orang-orang Melayu. Di Singapura mereka telah menerbitkan majalah *Al Imam* pada tahun 1906 dan kemudiannya majalah *Al Ikhwan* (1926), akhbar *Idaran Zaman* (1925) dan *Saudara* (1928) di Pulau Pinang.

Pada umumnya golongan Islah Islam ini adalah terdiri dari orang-orang terpelajar yang tidak puashati dengan keadaan masyarakat Islam pada masa itu. Dalam menghadapi perkembangan dan cabaran barat, Islam telah muncul sebagai satu tenaga yang lemah dan tidak mampu membawa kemajuan kepada penganut-penganutnya. Kesannya kebudayaan Islam dianggap sebagai kebudayaan yang tidak dapat mengikut perubahan zaman. Golongan Islah Islam ini berpendapat Islam bukanlah sebagai unsur yang bertanggungjawab melemahkan masyarakat Islam. Mereka berpendapat kelemahan masyarakat Islam itu adalah disebabkan oleh penganut-penganutnya tidak menghayati ajaran-ajaran Islam yang betul, sebagaimana yang terkandung dalam Quran dan Hadis.

Kemunculan golongan ini di Tanah Melayu telah melahirkan tenaga sosial yang baru dalam masyarakat Melayu. Gagasan yang mereka cuba kembangkan itu mengancam kepentingan golongan ulama tradidi dan menyebabkan mereka digelar sebagai 'Kaum Muda'. Melalui majalah, akhbar, surau dan sekolah agama dua

10 Majalah *Al Manar* mengandungi makalah-makalah Islah dalam bidang agama dan sosial, sementara *Al Urwatuk Wuthqa* banyak membincangkan perkara-perkara penjajahan. Seorang pelajar dari Tanah Melayu, Mohamad Tahir, telah menulis beberapa buah makalah dalam *Al Manar* mengenai gagasan Islah ini. Lihat, W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974, pp. 59–61.

11 Pada tahun 1922 pelajar-pelajar dari Tanah Melayu dan Indonesia di Universiti Al Azhar telah menubuhkan persatuan kebajikan "Al Jamiah Al Khariah". Kemudian pada tahun 1925 persatuan ini telah menerbitkan sebuah majalah bulanan *Seruan Azhar* dengan bantuan kewangan dari seorang pelajar Tanah Melayu bernama Haji Othman bin Abdullah. Majalah kedua persatuan ini *Pilihan Timoer* terbit pada tahun 1927. Kedua majalah ini diharamkan di Indonesia tetapi dibenarkan di Negeri-negeri Selat, Lihat, *ibid.*, pp. 87–88.

golongan ini saling bidas membidas antara satu sama lain dan menimbulkan ketegangan dalam masyarakat.¹² Kesan daripada polemik ini pemimpin-pemimpin Islah ini mendapati sukar untuk bergerak di negeri-negeri Melayu kerana ulama-ulama tradisi lebih berpengaruh di negeri-negeri tersebut. Jadi, negeri-negeri Selat menjadi tumpuan mereka.

Majalah *Al Imam* dan *Al Ikhwan* serta akhbar *Idaran Zaman* dan *Saudara* bertujuan memimpin orang-orang Melayu untuk mencapai kemajuan. Penerbitan tersebut, kecuali *Al Imam*, diterbitkan di Pulau Pinang semasa kegiatan Islah Islam sedang pesat dijalankan. Apabila *Al Imam* diberhentikan penerbitannya, perannya diambil alih oleh *Al Ikhwan*.¹³ Dalam keluaran *Al Ikhwan* yang pertama pengarangnya menulis,

. . . wahai sekalian ikhwan kami timur yang sedang nyenyak dalam tidurnya . . . yang sedang lena bersedap-sedap dalam keelokan mimpinya, memadalah . . . memadalah tidurnya itu kerana telah melampau sempadan mengambil kesenangan . . . hampir-hampir pula masuk kamu kepada bilangan pengsan atau orang mati yang bernafas. Bangunlah segera . . . kemudian lihat alam yang baharu di keliling . . . bermula sekalian manusia yang lain daripada bangsa kamu ini telah berubah . . . menurut kehendak-kehendak peredaran alam . . .¹⁴

Kutipan di atas menyeru orang-orang Melayu supaya membuat perubahan. *Al Ikhwan* berpendapat pembesar-pembesar Melayu adalah penghalang kepada kemajuan orang-orang Melayu,

Tinggallah olehmu akan segala leter dan sungut orang yang gemar dan suka mencampuri dan membahaskan perkara-perkara siasah kerajaan . . . yang patut bagi kamu pada masa ini mengucapkan terima kasih pada kerajaan Inggeris . . . , sebab dengan kerananya telah terlepas kamu daripada perhamba-

12 Tulisan mengenai Gerakan Islah Islam ini dapat dibaca dalam, H.A.R. Gibbs, *Modern Trend In Islam*, University of Chicago Press, Chicago, 1947; Shariff Wahab, "Muhammad Abduh Pelopor Kaum Muda", dalam, *Kiblat*, Julai 1976; W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974.

13 *Al Ikhwan*, majalah tulisan Jawi, diterbitkan oleh Syed Sheikh bin Ahmad Al Hadi di Pulau Pinang pada 16.9.1926. Majalah ini diterbitkan sekali sebulan. Sesuai dengan peranannya mahu men-'sucikan' amalan-amalan dalam Islam majalah ini menerbitkan makalah-makalah berunsur agama. Antara makalah-makalah yang menarik ialah tafsiran ayat-ayat dari Kuran.

14 *Al Ikhwan*, Jil. 1, bil. 1, September 1926. Sila bandingkan kutipan di atas dengan kutipan dari *Al Imam* keluaran pertamanya seperti berikut, . . . mengingatkan mana-mana yang lalai dan menjagakan mana-mana yang tidur dan menunjukkan mana-mana yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan pada mereka itu [orang Melayu].

Kutipan ini dipetik dari Abdul Aziz bin Mat Ton, "Al Imam Sepintas Lalu", dalam *Jurnal Sejarah*, Universiti Malaya, Jil. XI, 1972/73, h. 29.

an sekalian pembesar-pembesar kamu serta mendapat kamu kebebasan di bawah undang-undang yang tidak sekali-kali menjadi sekatan antara kamu dengan perjalanan kemajuan. . . .¹⁵

Seruan untuk kemajuan seterusnya dibuat oleh akhbar-akhbar *Idaran Zaman*¹⁶ dan *Saudara*.¹⁷ Pengarang pertama bagi kedua akhbar ini ialah Mohd Yunus bin Abdul Hamid. Mohd Yunus bin Abdul Hamid berasal dari Langkat, Sumatera. Sikap reformis pengarang ini didapati dari perhubungan rapatnya dengan Syed Sheikh bin Ahmad Al Hadi. Selain dari pendidikan Melayu beliau juga mendapat pendidikan Belanda. Walaupun Mohd Yunus bin Abdul Hamid bukan seorang '*Islamic scholar*' tetapi ia dikatakan mempunyai latar belakang agama yang kokoh yang banyak mempengaruhi perjuangannya di alam persurat-khabaran. Menyentuh soal kemajuan orang-orang Melayu *Idaran Zaman* menulis,

Selagi kita suka pemalas,
Tak dapat tiada kuranglah beras dengan perkakas.
Selagi kita tidak berusaha,
Selama-lamanya tak boleh berjaya.
Selagi kita tak berperasaan,
Tentulah kurang daripada kemajuan.
Selagi kita tiada bermuafakat,
Tiap-tiap keuntungan susahlah dapat.
Selagi kita suka bergaduh,
Tiap-tiap persetiaan tak dapat kukuh.
Selagi kita tak mahu berkasih-kasihian,
Kuranglah rahmat daripada Tuhan.
Selagi kita suka bermusuh,
Kemajuan kita seumpama buluh.
Selagi kita kurang persetiaan,
Serba tak boleh kejayaan.
Selagi kita kurang cermat,
Jauhlah daripada nikmat.
Selagi kita tak mahu berinsaf,
Keusahaan kita tak makna apa.
Selagi kita tiada berpengetahuan,
Selama-lamalah kita dalam keaiban.
Selagi kita suka mengumpat,

15 *Al Ikhwan*, Jil. 1, Bil. 2, Oktober 1926.

16 *Idaran Zaman* diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1925. Pengarangnya yang pertama ialah Mohammad Yunus bin Abdul Hamid. Roff mengatakan bahawa akhbar ini adalah akhbar reformis yang pertama di Pulau Pinang.

17 *Saudara* diterbitkan oleh Syed Sheikh bin Ahmad Al Hadi dengan kerjasama Syed Alwi bin Syed Sheikh, Haji Abu Bakar, Hashim bin Abu Bakar, dan Mohammad Yunus bin Abdul Hamid.

Tiap-tiap hal tak dapat semuafakat.
Selagi kita tiada tahu berjemur,
Susahlah kita mendapat makmur.
Selagi kita tiada bermalu-maluan,
Tiap pekerjaan tidaklah bergandaan.
Selagi kita suka kesombongan,
Susahlah kesenangan di dalam pencarian.¹⁶

Idaran Zaman mengemukakan faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan dan kemunduran orang-orang Melayu. Kemajuan hanya dapat dicapai sekiranya orang-orang Melayu meninggalkan sifat-sifat yang merugikan itu.

Menyentuh tentang kedudukan kaum asing di Tanah Melayu akhbar *Saudara* menulis,

. . . bahawa anak Sutan Lela Mahkota dan anak Wak Foyotomo . . . sama saja pihak ke Melayuannya dengan putera jati Semenanjung, bahasanya, pakaian, makanannya sama-sama mengharamkan babi, resam, ugama, dan seumumnya mengaku bertuankan raja kepada raja-raja di mana saja mereka menumpang tetapi sebaiknya, Mr. Chong Cheong Chan tidak sama malah hatinya bulat ke Tongsan selama-lamanya. . . walaupun moyangnya telah diperanakkan di Melaka pada zaman Sultan Ahmad sebelum zaman Portugis dan Belanda. Begitu juga Mr. Phanabalam atau Mr. Thambayah Manikam hatinya dan resamnya atau kulitnya tidak akan berubah dari resam moyangnya walaupun diperanakkan dia di kemuncak Gunung Bubu sekalipun. . .¹⁷

Kutipan di atas menunjukkan *Saudara* mempunyai satu pendirian politik berhubung dengan hak kaum-kaum mendatang di Tanah Melayu. Sikap terhadap kaum mendatang ini timbul pada umumnya dari kesedaran bahawa orang-orang China dan India itu menduduki tempat yang tinggi dari segi ekonomi dan dengan kuasa ekonomi itu mereka mahu merebut keistimewaan-keistimewaan politik di Tanah Melayu.¹⁸

16 *Idaran Zaman*, 2.5.1925, h. 2.

17 *Saudara*, 19.7.1930, h. 5.

18 Lim Ching Yan seorang ahli Majlis Mesyuarat Negeri-negeri Selat telah menyuarakan hak orang-orang China di Tanah Melayu pada 6.2.1931 di dalam perjumpaan Persatuan China 'Hu Yew Seah'. Lim Ching Yan mengatakan bahawa Negeri-negeri Selat bukanlah negeri Melayu. Semasa Francis Light datang ke Pulau Pinang umpamanya tiada didapati kampung atau orang Melayu. Datuk nenek orang-orang China telah datang ke Pulau Pinang dan bekerja keras, tinggal di pulau itu dan tidak menghantar wang ke negeri China sehingga dapat kerajaan menjadi negeri ini negeri yang bertamaddun. Berhubung dengan itu Lim Ching Yan meminta supaya orang-orang China peranakan di Tanah Melayu dijadikan rakyat British dan memberi kemudahan-kemudahan sosial seperti pelajaran. Intisari ucapan Lim Ching Yan dipetik dari *Al Ikhwan*, 16.2.1931, h. 182–189, dan *Saudara*, 14.2.1931, h. 5. Ucapan itu telah mendapat perhatian akhbar-akhbar pada masa itu. *Straits Echo*

Masalah ekonomi orang-orang Melayu Pulau Pinang terutamanya berhubung dengan pemilikan tanah di bandar telah muncul sejak awal kurun ke duapuluh lagi. Salah satu perkara yang diperjuangkan oleh pertubuhan-pertubuhan di Pulau Pinang ialah mendapatkan tanah dari kerajaan untuk dijadikan kawasan 'penempatan Melayu'. Di samping itu perkara-perkara kebajikan orang-orang Islam di Pulau Pinang juga diberi perhatian.¹⁹

Saranan-saranan untuk memajukan ekonomi orang-orang Melayu Pulau Pinang telah dikemukakan oleh akhbar *Saudara* keluaran 14hb. Mac 1931. Akhbar ini mensarankan langkah-langkah yang harus diambil oleh orang-orang Melayu untuk mencapai kemajuan. Di antaranya, bersatu dan menubuhkan Jawatankuasa dari orang besar-besar dan dari mereka yang tidak bekerja dengan kerajaan serta memanggil mesyuarat sekalian orang-orang Melayu Tanah Melayu dengan tujuan untuk menentang tuntutan asing; mempelajari Bahasa Inggeris, Arab dan pertukangan; menyelesaikan hutang dan jangan berhutang lagi; meminta kepada kerajaan tempat kediaman yang berhampiran dengan bandar, dan jawatan-jawatan kerajaan diberi lebih kepada orang-orang Melayu; meminta kerjasama Inggeris dan Belanda supaya membawa masuk orang-orang Indonesia ke Tanah Melayu; dan, menambahkan usaha dan jangan bergantung kepada nasib.²⁰

Jelaslah dalam usaha menimbulkan kesedaran di kalangan orang-orang Melayu, akhbar *Saudara* seperti akhbar-akhbar yang lain yang terbit di Pulau Pinang pada masa itu, menyentuh tentang masalah dan kelemahan orang-orang Melayu di bidang Politik, ekonomi dan sosial.

Satu hal yang ketara ialah akhbar-akhbar *Idaran Zaman*, dan *Saudara* serta majalah *Al Ikhwan* menjadi alat orang-orang Melayu terutamanya golongan pengislah Islam bagi memajukan orang-orang Melayu. Kesan yang ditinggalkan ke atas masyarakat Melayu di Negeri Pulau Pinang merupakan kesedaran kebangsaan yang dijelmakan dalam bentuk persatuan pada akhir-akhir tahun 1930an.

bersetuju dengan ucapan itu, sementara *Malayan Daily Express* (10.2.1931) mahukan orang-orang China peranakan membuktikan yang mereka berhak mendapat taraf rakyat British itu. *Saudara* dan *Al Ikhwan* tidak bersetuju diberikan taraf kewarganegaraan British kepada orang-orang China peranakan kerana akan mengancam hak-hak orang Melayu terutamanya di Negeri-negeri Selat. Lihat *Saudara*, 28.2.1931, h. 1; dan *Al Ikhwan*, 16.2.1931, h. 182–189.

19 Hasrat untuk memajukan orang-orang Islam di Negeri Pulau Pinang telah dijalankan dengan menubuhkan *The Young Muslim Union* pada tahun 1911. Mengikut Hamid Khan, yang menjadi Yang Dipertua persatuan itu pada tahun 1925, persatuan itu tertubuh atas tiga dasar iaitu memelihara dan mengangkat nama anak-anak Islam di Negeri Pulau Pinang; melatihkan sekalian ahli-ahlinya supaya gemar membaca surat-surat khabar dan menjaga kesihatan badan; dan, menggalakkan sekalian ahli-ahlinya bersahabat antara satu sama lain. *Idaran Zaman*, 19.2.1925, h. 3.

20 *Saudara*, 14.3.1931, h. 5.

Satu lagi tenaga sosial yang muncul di Negeri Pulau Pinang pada awal kurun ke duapuluh ialah golongan pertengahan Melayu yang mendiami sekitar George Town. Mereka terdiri dari saudagar-saudagar dan orang-orang Melayu yang berpendidikan Inggeris. Walaupun orang-orang Melayu Negeri Pulau Pinang merupakan golongan kecil terutamanya di bandar, perkembangan perdagangan sehingga kurun ke duapuluh telah melahirkan saudagar-saudagar Melayu terutamanya dari golongan peranakan India dan Arab. Golongan ini mampu menggunakan kemudahan-kemudahan seperti sekolah yang disediakan oleh kerajaan Negeri-negeri Selat.

Pelajaran Inggeris secara formal bermula pada tahun 1816 apabila tertubuh *Penang Free School*. Seperti *Malay College Kuala Kangsar*, *Penang Free School* menyediakan pegawai-pegawai tadbir rendah yang terdiri dari penduduk-penduduk tempatan.²¹ Sekolah ini menampung golongan yang mampu yang tinggal berhampiran di sekitar George Town dan juga anak-anak aristokrat dari negeri-negeri Melayu. Golongan pertengahan Melayu yang berpendidikan Inggeris ini menjadi pegawai-pegawai tadbir rendah di Negeri Pulau Pinang. Hubungan mereka yang rapat dengan pegawai-pegawai Inggeris dan dengan sistem keorganisasian British meletakkan mereka sebagai golongan yang mempunyai potensi kepimpinan.

Pada umumnya, pada tahun-tahun awal kurun ke duapuluh Negeri Pulau Pinang mengalami kemunculan dua kumpulan 'elite' berpendidikan. Satu kumpulan yang berorientasikan gagasan Islah Islam, mempunyai pengetahuan agama yang mendalam dan dapat dikelompokkan sebagai 'elite berpendidikan sekular'. Dalam konteks kemunculan kesedaran kebangsaan dan kesedaran politik yang membawa kepada kemunculan gerakan kebangsaan dan gerakan politik, kedua kumpulan 'elite' ini bertindak sebagai penggerak, pemaju, dan pemimpin.

Kemunculan Gerakan Politik Melayu

Sebelum Perang Dunia Kedua telah tertubuh *Penang Malay Association*, Persatuan Sahabat Pena, Kesatuan Melayu Pulau Pinang dan Kesatuan Melayu Muda. Kesemuanya di Pulau Pinang dan Persatuan Melayu Seberang Prai di Seberang Prai, untuk memperjuangkan kepentingan orang-orang Melayu di Negeri Pulau Pinang.²²

Penang Malay Association (PMA kemudian nama itu ditukar kepada Persatuan Melayu Pulau Pinang,) telah ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1927 oleh segolongan orang-orang Melayu yang berpendidikan Inggeris.²³ Di antara tujuan-tujuan PMA ialah menyediakan segala perkara-perkara yang melatih adab, meninggi-

21 Rahmat bin Saripan, *op. cit.*, h. 1.

22 Selain daripada pertubuhan-pertubuhan di atas terdapat juga pertubuhan-pertubuhan sosial dan kebajikan yang memberi kemudahan-kemudahan kepada ahli-ahlinya. Umpamanya pertubuhan *Young Muslim Union* (tertubuh pada tahun 1911), dan Persekutuan Al Ikhwan Al Masakin (tertubuh pada tahun 1926).

23 Buku Perlembagaan *The Penang Malay Association*, Pulau Pinang, 1927, h. 1.

kan kesihatan dan mengukuhkan setia di antara ahli-ahlinya; menggalakkan di antara anak-anak Melayu supaya menuntut pelajaran dan ilmu yang tinggi dan ilmu pertukangan; mencari jalan dan segala ikhtiar yang melulusi undang-undang untuk kebajikan orang-orang Melayu amnya terutama sekali orang-orang Melayu dan, menjadi ganti bagi orang-orang Melayu yang mendiami di Pulau Pinang, Seberang Prai dan Dinding serta menyeru dan menjalankan apa-apa fikiran orang-orang Melayu.²⁴

Bagi mengendalikan PMA dan melaksanakan rancangan bagi menjayakan tujuan-tujuan itu, satu Jawatankuasa telah dipilih terdiri dari Dr. A.O. Merican sebagai Yang Dipertua, dan Dr. Mohammad Ariff sebagai Setiausaha.³¹ Sementara penaung PMA terdiri dari Hugh Clifford (Gabenor Negeri-Negeri Selat), Sultan Alang Iskandar (Sultan Perak) dan Tengku Ibrahim (Raja Muda Kedah).

Ditinjau dari senarai tujuan yang dirakamkan di dalam perlembagaan dan nama-nama ahli Jawatankuasa, dapat dikatakan bahawa PMA adalah sebuah persatuan Melayu yang progresif dan mendapat penghormatan dari kerajaan Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu. PMA merupakan persatuan yang pertama memperjuangkan kepentingan sosial, ekonomi dan perpaduan orang-orang Melayu di Negeri Pulau Pinang. Walaupun sebelum tertubuh PMA telah ujud pertubuhan-pertubuhan lain seperti *The Young Muslim Union* dan *Persekutuan Al Ikhwan Al Masakin*,²⁷ tetapi kegiatan kedua pertubuhan itu meliputi seluruh orang-orang Islam dan bukan terhad pada orang-orang Melayu saja. Walaupun PMA menerima keahlian dari 'orang-orang Islam yang bukan diperanakan di Semenanjung Tanah Melayu', tetapi peranan mereka dalam PMA terhad sebagaimana yang tercatat dalam perlembagaannya yang menyatakan bahawa PMA menerima 'segala orang-orang Melayu rakyat British menjadi ahli dan akan dinamakan dia ahli-ahli persatuan (*ordinary members*)'. Orang-orang Islam yang bukan 'peranakan Semenanjung Tanah Melayu dibenarkan masuk menjadi '*associate member*' dibenarkan segala faedah dan kebajikan bagi seseorang menjadi ahli persatuan ini melainkan tidaklah boleh menjadi pegawai atau pengundi.²⁸

24 *Ibid.*, h. 1.

25 *Ibid.*, h. 1 Lain-lain pegawai PMA ialah Naib-Naib Yang Dipertua: Mohamad Rouse, M.Z. Merican dan S. Mohamad Hashim; Bendahari: M.N. Merican; dan, Ahli Jawatan Kuasa: A. Abdullah, M.S.A. Ariffin, U.M. Bakar, C.M. Che Din, Haji Murshid, Md. Hussin, T. Nyak Puteh, dan S. Mohammad Tamby. Sementara Juruoditnya ialah C. Mohamad Ismail dan Baba Ahmad.

26 *Ibid.*, h. 1.

27 Persekutuan ini telah ditubuhkan dengan rasmi di halaman Mesjid Jelutong Pulau Pinang pada 13.2.1926. Persekutuan ini membuka 'pintunya kepada sekalian orang-orang Islam dalam negeri ini [Negeri Pulau Pinang]. Tujuan utamanya ialah 'memberi khairat kematian kepada ahli-ahlinya dan tanggungan mereka'. Lihat, Buku Cenderamata, Jubli Mas 50. Persekutuan Al Ikhwan Al Masakin, 1976, h. 7.

28 Lihat Buku Perlembagaan, *The Penang Malay Association*, Pulau Pinang, 1927, h. 2.

Selain dari berusaha memajukan orang-orang Melayu Negeri Pulau Piannng, PMA cuba mengujudkan perpaduan di kalangan ahli-ahlinya dan menjadi 'suara' orang-orang Melayu yang mendiami Negeri Pulau Pinang. Mengikut Captain Mohamad Noor bin Mohamad, yang pernah menjadi setiausaha PMA selama dua belas tahun, PMA mempunyai dua objektif yang besar iaitu, pertama meminta lebih hak orang-orang Melayu di Negeri Pulau Pinang. Pada masa itu kerajaan Inggeris lebih memberi perhatian kepada aspek-aspek ekonomi. Orang-orang Melayu yang tidak begitu penting kepada ekonomi British kalau dibandingkan dengan kaum Cina dan India, tidak dihiraukan oleh kerajaan Negeri-negeri Selat. Jadi suasana diskriminasi ke atas orang-orang Melayu ujud pada masa itu.²⁹ Kedua, menjadi 'mulut' atau alat perhubungan di antara orang-orang Melayu dan Pemerintah British dan sebaliknya.³⁰ Dalam keadaan ini dapatlah dikatakan bahawa PMA bertindak bagi pihak orang-orang Melayu Negeri Pulau Pinang sebagaimana pertubuhan *The Straits Chinese British Association* (SCBA)³¹ bertindak bagi pihak orang-orang Cina di Negeri-negeri Selat.

Sungguhpun perlembagaan PMA menyebut persatuan ini sebagai suara dan mewakili orang-orang Melayu Negeri Pulau Pinang, tetapi dalam beberapa tahun perjalanannya ternyata tidak demikian. PMA lebih merupakan persatuan yang dianggotai oleh orang-orang Melayu peranakan yang tinggal di Pulau Pinang khususnya mereka yang tinggal di sekitar bandar George Town.³² Jawatankuasa yang dipilih juga terdiri dari orang-orang Melayu peranakan yang tinggal di sekitar bandar, dan sehingga tahun 1932 mesyuarat agung PMA hanya dihadiri oleh sebahagian kecil sahaja daripada ahli-ahli.³³ Tambahan pula pegawai-pegawai tinggi dalam PMA terdiri dari orang-orang Melayu peranakan yang memegang jawatan pentadbir kerajaan dan pernah dianugerahkan bintang oleh Kerajaan Inggeris.³⁴ Mengikut Mohamed Nor bin Ahmad ahli-ahli Jawatan Kuasa PMA hanya berminat mengada-

29 Keterangan dari Captain Mohamad Noor bin Mohamad. Temutanya diadakan di rumah beliau pada 7.5.1976. Keterangan disahkan oleh Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya diadakan di rumah beliau pada 2.6.1976.

30 Keterangan dari Captain Mohamad Noor bin Mohamad.

31 Yeap Joo Kin, *The Patriarch*, Times Printers, Singapore, 1975, p. 28.

32 Keterangan dari Ibrahim bin Mahmood. Temutanya di rumah beliau pada 17.4.1976 dan disahkan oleh Mohamed Nor bin Ahmad.

33 Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya pada 2.6.1976. Pada tahun 1946 "Anuar Rushdi" menulis agar PMA meluaskan kegiatannya ke serata Negeri Pulau Pinang bukan sekadar di bandar sahaja, *Warta Negara*, 16.2.1946, h. 2.

34 Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya pada 2.6.1976 'Melayu Peranakan' selalu digunakan untuk merujuk kepada orang-orang Melayu keturunan dari perkahwinan antara lelaki India atau Arab dengan perempuan Melayu. Di Pulau Pinang, 'Jawi Peranakan' atau 'Jawi Pekan' juga digunakan bagi merujuk kepada orang-orang Melayu keturunan dari perkahwinan antara lelaki dari India Selatan dengan perempuan Melayu. Tetapi penggunaan panggilan itu kian merosot dan diganti dengan panggilan 'Anak Mami' atau 'Anak Mamak'.

kan perayaan menyambut hari keputeraan Raja Inggeris dan hari bunga 'poppy'.³⁵ Walaupun kelihatan PMA mewakili orang-orang Melayu tetapi sebenarnya tidak begitu, kerana PMA tidak disokong oleh sebahagian besar orang-orang Melayu Negeri Pulau Pinang. Sikap PMA yang tidak 'menghiraukan' orang-orang Melayu ini telah dikecam dalam akhbar *Bumiputera* oleh 'Jin Islam'³⁶ dalam tahun 1933. Bagaimanapun PMA berjaya mendapatkan sekeping tanah untuk kediaman orang-orang Melayu.³⁷ Perubahan pada PMA berlaku dalam tahun 1933 apabila satu cadangan dibuat supaya semua pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan Melayu yang ada di Negeri Pulau Pinang digabung dengan PMA. Cadangan ini telah diterima dan mulai dari tarikh itu PMA dapat dikatakan sebagai 'mewakili' kepentingan orang-orang Melayu di Negeri Pulau Pinang.³⁸

Namun demikian PMA masih disebut sebagai 'Persatuan DKK' (Persatuan Darah Keturunan Keling) kerana sifat keanggotaannya dan pucuk pimpinannya terdiri dari orang-orang 'Melayu Peranakan'.³⁹ Konotasi 'DKK' dan 'DKA' (Darah Keturunan Arab) dan usaha menentukan takrif Melayu menjadi persoalan pokok dari tahun-tahun 1930an sehingga meletus Perang Dunia Kedua. Polemik mengenai takrif Melayu dan konotasi 'DKK' – 'DKA' ini timbul dengan mempunyai hubungan rapat dengan keadaan ekonomi akibat zaman meleset, sikap bangsa asing terhadap Tanah Melayu, kegiatan mereka dari segi ekonomi dan politik, dan dasar kerajaan British yang menggalakkan kemasukan boroh China dan India ke Tanah Melayu.⁴⁰ Faktor ini telah menyedarkan orang Melayu tentang kedudukan masa depan politik, ekonomi dan sosial mereka berbanding dengan kaum yang mendatang ini. Dari kesedaran ini telah timbul semangat keMelayuan di kalangan mereka itu bagi menyatukan tenaga untuk memperjuangkan politik, mempertinggikan ekonomi dan sosial melalui persatuan. Polemik ini ketara di Selangor dan Singapura. tetapi kesan pada masyarakat Melayu juga terasa di Negeri Pulau Pinang sebagaimana yang dialami oleh PMA pada tahun-tahun 1930an itu.

35 *Ibid.*

36 Akhbar *Bumiputra* diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1933. Nama sebenar 'Jin Islam' ialah Mohamed Nor bin Ahmad. Beliau mengecam PMA kerana tidak menghiraukan orang-orang Melayu.

37 PMA berjaya mendapatkan sekeping tanah dari kerajaan bernilai \$40,000.00 di sebuah kawasan sekarang ini bernama Kampung Baharu untuk dijadikan kawasan penempatan Melayu (*The Malay Settlements*) Lihat, *Saudara*, 6.9.1929.

38 Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya pada 2.6.1976.

39 Keterangan Ibrahim bin Mahmood. Temutanya pada 17.4.1976.

40 Berhubung dengan kegiatan politik orang-orang China, pada tahun 1931 orang-orang China Peranakan Negeri-negeri Selat yang diwakili oleh *The Straits Chinese British Association* (SCBA) telah menghantar satu permohonan (*petition*) kepada kerajaan meminta kerajaan supaya tiap-tiap persatuan hanya mempunyai seorang wakil dalam Majlis Mesyuarat Negeri-negeri Selat. Kerajaan juga diminta menubuhkan satu Jawatan Kuasa bagi menimbangankan perubahan yang patut dilakukan berkenaan dengan keanggotaan Majlis Mesyuarat Undang-undang dan Majlis Kerja dalam Negeri-negeri Selat. Lihat, *Saudara*, 14.3.1931, h. 5.

Untuk memuaskan kehendak kesedaran kebangsaan itu, berbagai takrif Melayu telah dikemukakan, dan takrif ini adalah berbeda dari satu negeri dengan satu negeri yang lain berdasarkan kepentingannya. Satu takrif yang umum yang dipakai di Negeri Pulau Pinang dan di beberapa Negeri-negeri Melayu Bersekutu ialah,

Sebarang bangsa dalam gugusan pulau-pulau Melayu yang beragama Islam tidak terkecuali Arab, China dan India yang beraja dan berrefgeri di sini dengan syarat mereka meninggalkan kebudayaan asal mereka dan mengamalkan kebudayaan Melayu serta memutuskan hubungan mental dan fisik dengan negeri asalnya.⁴¹

Takrif ini dipersempitkan lagi kemudiannya dengan merujuk orang Melayu sebagai mereka yang 'berbangsa pada sebarang bangsa di dalam gugusan pulau-pulau Melayu yang beragama Islam; diperanakan di Semenanjung Tanah Melayu daripada ibu-bapanya Melayu; dan, anak orang-orang Islam yang diperanakan di Semenanjung yang mengaku berbangsa Melayu dan beradat resam Melayu.'⁴²

Sementara itu takrif yang lebih sempit lagi telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri Selangor untuk kegunaan negeri Selangor yang berkehendakkan orang bukan Melayu harus ditapis kepada dua keturunan dahulu sebelum ia diterima sebagai Melayu. Di Singapura takrifnya agak longgar iaitu seseorang akan diterima sebagai Melayu dengan melihat bapanya.⁴³

Polemik mengenai takrif Melayu dan konotasi 'DKK — DKA' ini nyata melemahkan kedudukan PMA dalam arena gerakan kebangsaan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Ketegangan telah wujud di antara PMA dengan persatuan-persatuan Melayu yang lain terutama Persatuan Melayu Singapura dan Persatuan Melayu Selangor. Walaupun persatuan-persatuan itu menggunakan nama 'Melayu' tetapi makna tentang siapakah yang dikatakan Melayu itu berbeza. PMA mengaku anak-anak Negeri-negeri Selat yang beragama Islam apa jua bangsa ibu-bapanya ialah Melayu.⁴⁴ Sementara Persatuan Melayu Singapura dan Selangor tidak menerima takrif itu. Yang diterima oleh kedua persatuan itu ialah Melayu itu sebagai mana-mana keturunan yang asal mendiami segala pulau-pulau gugusan pulau-pulau Melayu dan di Tanah Semenanjung sahaja.⁴⁵ Untuk menyelesaikan perselisihan ini satu kongres Melayu telah dicadangkan bagi membahaskan masalah 'takrif Melayu'. Tetapi dalam kongres yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1939 PMA tidak dijemput dan keputusan yang diambil dalam kongres tersebut berhubung dengan 'takrif Melayu' itu adalah merugikan PMA.⁴⁶

41 *Majlis*, 20.5.1938, h. 3.

42 *Ibid.*, h. 3.

43 *Ibid.*, h. 3.

44 *Saudara*, 18.4.1931, h. 1.

45 *Ibid.*

46 Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Tejutanya pada 2.6.1976.

Sementara itu peranan PMA sebagai pertubuhan yang mewakili orang-orang Melayu Negeri Pulau Pinang sebagaimana yang didakwanya ternyata merosot apabila sejak tahun 1930 lagi telah tertubuh sebuah pertubuhan Melayu di Seberang Prai iaitu Persatuan Melayu Seberang Prai.⁴⁷ Tambahan pula PMA tidak berjaya mengatasi masalah ekonomi orang-orang Melayu, dan PMA sendiri tidak mengambil langkah-langkah berkesan untuk mengatasi masalah itu.⁴⁸ Di Pulau Pinang sendiri orang-orang Melayu yang merasai diri mereka tidak diwakili oleh PMA mula tertarik kepada Kesatuan Melayu Pulau Pinang dan Kesatuan Melayu Muda.⁴⁹

Persatuan Melayu Seberang Prai (PMSP) telah ditubuhkan oleh segolongan orang-orang Melayu yang berpendidikan ugama. Pada umumnya PMSP mempunyai tujuan untuk 'bekerja akan keamanan atau kebajikan orang-orang Melayu Seberang Prai' dengan cara meninggikan pelajaran, menambahkan pelajaran ugama, membuang resam yang membawa kecederaan, dan meninggikan martabat anak-anak Melayu.⁵⁰ Keahlian persatuan ini adalah terbuka kepada orang-orang Melayu beragama Islam yang diperanakkan di Tanah Melayu. Ini bermakna keahlian dalam PMSP ini tidak terhada kepada penduduk-penduduk Seberang Prai saja, kalau dibandingkan dengan PMA yang menghadkan keahliannya pada orang-orang Melayu rakyat British saja. Satu lagi perbezaan yang ketara ialah pengaruh kelslaman dalam bentuk keorganisasian PMSP. Persatuan ini mempunyai lima 'majlis' iaitu Majlis Presiden-presiden, Majlis Penasihat-penasihat, Majlis Penyelidik, Majlis Petua-petua dan Majlis Jawatankuasa.⁵¹ Kebanyakan yang menganggotai Majlis-majlis tersebut adalah terdiri dari alim ulama dan orang-orang yang berpengaruh dalam masyarakat di Seberang Prai seperti kadi, penghulu, imam dan guru sekolah ugama.

Jelas, PMA dan PMSP mempunyai perbezaan-perbezaan yang ketara walaupun keduanya adalah persatuan yang mewakili orang-orang Melayu. Pada umumnya PMA adalah lebih berbentuk persatuan sekular sementara PMSP lebih berbentuk keagamaan. Dari segi keanggotaan dan kepimpinan PMA lebih dipengaruhi oleh golongan yang berpendidikan Inggeris dan mereka samaada memegang jawatan pentadbir atau menjadi saudagar. Sementara keanggotaan dan kepimpinan PMSP lebih dipengaruhi oleh golongan yang berpendidikan ugama.

Kalau ditinjau dari segi tujuan, PMSP lebih menekankan perkara-perkara sosial iaitu meninggikan kedudukan sosial dan kebajikan orang-orang Melayu. Berbeda dari PMSP, selain daripada mempunyai tujuan-tujuan sosial, PMA juga mempunyai tujuan politik. Sebagaimana yang telah diterangkan bahawa PMA mahu menjadi 'mulut' atau alat perhubungan antara orang Melayu dengan kerajaan. Ada pendapat yang mengatakan bahawa PMA bukan sebuah pertubuhan politik tetapi sebuah

47 *Saudara*, 19.9.1931, h. 8.

48 *Ibid.*, 23.10.1937, h. 4.

49 Abdul Malik bin Haji Md Hanafiah, "Perjuangan Kesatuan Melayu Muda 1937-1945". Latihan Ilmiah Tahun Keupjian Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974, h. 1937.

50 *Saudara*, 19.9.1931, h. 8.

51 *Ibid.*

pertubuhan kebajikan dan sosial.⁵² Kalau dilihat dari segi kegiatannya sehingga Perang Dunia Kedua adalah ketara anggapan ini ada benarnya. Sehingga Perang Dunia Kedua PMA bergiat dalam perkara-perkara kebajikan seperti mendapatkan tanah untuk kediaman orang Melayu dan meninggikan mutu pelajaran orang-orang Melayu di George Town. Keadaan ini berlaku kerana sebahagian besar dari pemimpin-pemimpin PMA adalah 'rapat' dengan pegawai-pegawai Inggeris di Negeri Pulau Pinang, terutamanya apabila PMA diberi kuasa memilih calon orang Melayu untuk dianugerahkan '*Justice of the Peace*' (JP).⁵³ Keadaan ini melemahkan PMA dan menghalang PMA dari muncul sebagai pertubuhan politik dan gagal meletakkan kepentingan politik orang Melayu mengatasi lain-lain kepentingan.

Bagaimanapun ada juga pihak yang mengatakan bahawa PMA itu sebagai sebuah pertubuhan politik.⁵⁴ Pendapat ini didasarkan kepada tujuan PMA itu ditubuhkan iaitu 'menjadi ganti bagi orang-orang Melayu yang mendiami di Pulau Pinang, Seberang Prai dan Dinding serta menyeru dan menjalankan apa-apa fikiran orang Melayu'.⁵⁵ Dengan tertubuhnya PMA orang-orang Melayu akan bertindak dalam satu kesatuan, dan pertubuhan yang berusaha mengujudkan kesatuan itu dapat dikatakan sebagai pertubuhan politik kalau gerakan politik mahu dimengerti sebagai gerakan menyatukan rakyat dalam satu tindakan.⁵⁶ Tambahan pula di dalam perlembagaannya tidak tercatat samaada PMA itu pertubuhan politik atau tidak. Cuma pada tahun 1949, baharulah PMA diarahkan oleh kerajaan supaya memasukkan satu ayat di dalam perlembagaan yang melarang PMA berpolitik.⁵⁷ Sejak itu sah bahawa PMA bukan sebuah pertubuhan politik walaupun ada ahli-ahlinya mengambil bahagian dalam kegiatan politik.

Daya usaha untuk meluaskan kesedaran supaya meliputi seluruh anggota masyarakat Melayu telah dijalankan oleh akhbar *Saudara* dengan menubuhkan satu persatuan Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM). PASPAM sebenarnya berasal dari buah fikiran yang dikemukakan oleh Daud bin Kassim dari Singapura.⁵⁸

52 Keterangan dari Ibrahim bin Mahmood. Temutanya pada 17.4.1976. Pendapat beliau disokong oleh Omar (Datuk) bin Mohamad. Temutanya di rumah beliau pada 9.4.1976 mengenai Omar (Datuk) bin Mohamad.

53 Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya pada 2.6.1976. Pandangan ini juga dikemukakan oleh Mohamad Noor bin Mohamad. Temutanya pada 7.5.1976. Keterangan ini juga diberi oleh Omar (Datuk) bin Mohamad. Temutanya di rumah beliau pada 9.4.1976.

54 Di antara mereka yang berpendapat demikian ialah Captain Mohamad Noor bin Mohamad, Mohamed Nor bin Ahmad dan Mohd Zain bin Ahmad.

55 Lihat Buku Perlembagaan, *The Penang Malay Association*, Pulau Pinang, 1927, h. 1.

56 Pengertian ini diberi oleh Mohd Zain bin Ahmad. Temutanya secara bersurat bertarikh 10.6.1976.

57 Federation of Malaya, Registrar of Societies, (Surat Arahan) No. 2 in R. of S(FM) 1054/49 bertarikh 13.6.1950. Lihat juga, *Straits Echo*, 1.10.1949, h. 6.

58 Lihat, surat Ariffin bin Ishak dalam, *Saudara*, 17.1.1934, h. 11 dan surat Daud bin Kassim dalam akhbar berjudul sama bertarikh 17.2.1934, h. 8.

Sejak tahun 1932 lagi *Saudara* mengadakan ruangan khas "Halaman Kanak-kanak" bagi mengisi makalah yang bercorak pendidikan dan pelajaran dan makalah-makalah sumbangan dari pembaca-pembaca muda. Buah fikiran Daud bin Kassim ini di sokong dan dimajukan oleh Ariffin bin Ishak.⁵⁹ Pada 7hb. April 1934 'Sahabat Pena' bermula dengan rasminya. Tujuan 'Sahabat Pena' sebagaimana yang diterangkan oleh Mohamad Yunus bin Abdul Hamid ialah, 'hendak mendirikan suatu perhubungan berkenal-kenalan dan perkawanan yang sempurna di antara ahli-ahlinya bagi menjiwakan satu ikatan persahabatan yang kukuh di antara satu sama lain; menggalakkan karang-mengarang dan baca-membaca di dalam Bahasa Melayu di antara ahli-ahlinya; berdiri, meluas dan mengetatkan sejarah, adat resam dan Bahasa Melayu, dan, mendirikan satu khutub khanah Melayu bagi penggunaan ahli-ahlinya'.⁶⁰

Di antara peraturan-peraturan 'Sahabat Pena' ialah tiap-tiap ahli hendaklah memakai lencana Sahabat Pena di baju bahagian dada sebelah kiri dan 'memberi salam apakala berjumpa di antara satu dengan lain'; mereka hendaklah membaca "Halaman Kanak-kanak", menulis dalam ruangan ini dan menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh "Halaman Kanak-kanak". Tiap-tiap ahli dikenakan bayaran permulaan sebanyak lima puluh sen dan kemudiannya dua puluh sen tiap-tiap tahun.⁶¹

Persatuan 'Sahabat Pena' berkembang walaupun menerima cemuhan sebagai menggalakkan ahli-ahli menulis 'surat cinta'. Ini menyebabkan *Saudara* menerbitkan amaran dalam keluaran 23hb. Mei 1934 supaya ahli-ahli lelaki menulis kepada ahli lelaki yang lain begitu juga dengan ahli-ahli perempuan untuk mengelakkan nama buruk.⁶² 'Sahabat Pena' juga dikatakan sebagai 'Persekutuan kemudaan dan kongsi gelap'.⁶³ Bagaimanapun di samping rintangan-rintangan itu 'Sahabat Pena' mendapat sambutan di Negeri-negeri luar Negeri Pulau Pinang dan wakil-wakil telah dilantik di negeri-negeri seperti Perak, Kedah, Kelantan dan Singapura dan keahliannya termasuk dari Borneo dan Siam. Apabila nama-nama ahli disiarkan pada keluaran *Saudara* 7hb. November 1934 iaitu selepas tujuh bulan ia dirasmikan, keahliannya menjadi lebih dari dua ratus orang dari Pulau Pinang (29), Seberang Prai (1), Singapura (4), Perak (88), Selangor (30), Perlis (7), Negeri Sembilan (8), Pahang (14), Johore (28), Kelantan (25), Trengganu (5), Kedah (6), Labuan (4), Sarawak (3), dan Siam (1).⁶⁴

Keanggotaan dari Pulau Pinang meningkat apabila Syed Alwi bin Syed Sheikh

59 *Saudara*, 17.1.1934, h. 11.

60 *Ibid.*, 6.2.1935, h. 8.

61 *Ibid.*, 7.5.1934, h. 6.

62 Roff, *op. cit.*, p. 213.

63 Tuduhan ini dinafikan oleh seorang penulis Abdul Rahman Alwi dalam, *Saudara*, 15.9.1934, h. 8.

64 *Saudara*, 17.11.1934, h. 8.

Al Hadi mengambil alih jawatan Ketua Pengarang *Saudara* pada bulan September 1934.⁶⁵ Jawatankuasa yang terdiri dari Zainal Abidin bin Sutan Maidin.⁶⁶ (Yang Dipertua), Syed Alwi bin Syed Sheikh Al Hadi (Setiausaha), Md Ali bin Kalam (Penolong Setiausaha) dan beberapa orang Melayu Peranakan lain mula membuat perubahan pada 'Sahabat Pena'. Peraturan menjadi ahli dipinda. "Halaman Kanak-Kanak" diganti dengan "Halaman Sahabat Pena" sebanyak dua muka bagi membolehkan ramai ahli menulis di dalamnya.

Pada 11hb. November 1934 'Sahabat Pena' berjaya mengadakan persidangan kebangsannya yang pertama di Taiping diawasi oleh wakil-wakil dari seluruh Tanah Melayu. W.R. Roff mengatakan persidangan ini merupakan 'perhimpunan orang-orang Melayu seluruh Tanah Melayu yang pertama yang pernah diadakan'.⁶⁷ Antara ahli-ahli dari Pulau Pinang yang hadir di persidangan itu ialah Zainal Abidin bin Sutan Maidin (kemudiannya dilantik sebagai Yang Dipertua Agung yang pertama PASPAM), Syed Alwi bin Syed Sheikh Al Hadi, ketua pengarang *Saudara*, Mohd Yunus bin Abdul Hamid, pengarang; Mohamad Ali bin Kalam, Nyak Mohamad Amin, Hussin Baba, Mohamad Soro Manan, dan Mohamad Hashim.⁶⁸

Selain daripada mempertemukan ahli-ahli dari seluruh Tanah Melayu dan membincang perjalanan dan matlamat 'Sahabat Pena', persidangan di Taiping ini berjaya menggerakkan lebih ramai lagi orang-orang Melayu menjadi ahli 'Sahabat Pena'. Ini menimbulkan kebimbangan di kalangan orang Melayu dan syak wasangka Pemerintah British. Oleh sebab itu ahli Jawatankuasa pusatnya merasa perlu dibuat permohonan secara rasmi pengecualian dari kerajaan dan pengecualian ini diperolehi kemudiannya atas nama "Persaudaraan Sahabat Pena Malaya" atau PASPAM.⁶⁹

65 Syed Alwi bin Syed Sheikh Al Hadi (ahli Sahabat Pena bilangan 205), salah seorang wartawan dan reformis pada tahun 1930an, dilahirkan di Melaka pada tahun 1893. Beliau mendapat pelajaran Melayu di Riau dan di Sekolah Melayu Kampung Gelam Singapura, dan kemudiannya pelajaran Inggeris di *The Victoris Bridge School* sehingga darjah VII. Pada tahun 1914 Syed Alwi bin Syed Sheikh Al Hadi dihantar menuntut di Sekolah Arab dan kemudiannya di *Syrian Protestant College* di Beirut. Beliau bertugas dalam tentera British. Pulang ke Tanah Melayu beliau mengajar di *Anglo Chinese School* Pulau Pinang dan kemudiannya di Madrasah Al Masyhur. Pada tahun 1930 beliau menjadi pengarang akhbar *Saudara* dan pada tahun 1933 pengarang kepada akhbar *Warta Malaya*. 1934–1935 sekali lagi beliau menjadi pengarang *Saudara* sebelum berpindah ke akhbar *Lembaga Melayu* pada tahun 1936 sehingga kedatangan Jepun.

66 Zainal Abidin bin Sutan Maidin atau lebih dikenali sebagai S.M. Zainal Abidin B.A. (ahli Sahabat Pena bilangan 206) dilahirkan di Pulau Pinang pada tahun 1898, anak kepada seorang saudagar dari Madras yang berhijrah ke Tanah Melayu pada tahun 1878 dan berkahwin dengan perempuan Melayu. Beliau mendapat pelajaran di *Penang Free School* dan kemudiannya menjadi guru di sekolah tersebut pada tahun 1918. Pada tahun 1930 beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam Ilmu Alam dari Universiti London. Pada tahun 1938 menjadi Guru Besar *Francis Light School*. Beliau berminat dalam kebudayaan dan kesusasteraan Melayu, kerap menulis dalam akhbar-akhbar dan terkenal kerana pandangannya yang reformis.

67 Lihat, Roff, *op. cit.*, pp. 215–216.

68 *Saudara*, 7.11.1934, h. 8.

69 *Ibid.*, 25.5.1935, h. 8.

Jelaslah PASPAM merupakan satu gerakan orang-orang Melayu yang berpusat di Pulau Pinang. Jentera pentadbiran PASPAM pada peringkat pusatnya dikendalikan oleh orang-orang Melayu Pulau Pinang seperti Zainal Abidin bin Sutan Maidin (Yang Dipertua Agung), S.M. Che Teh (Naib Yang Dipertua Agung), Syed Alwi bin Syed Sheikh Al Hadi (Setiausaha Agung), Nyak Mohamad Amin (Ahli Jawatankuasa) dan, Mohamad Yunus bin Abdul Hamid, pengarang yang banyak menyumbangkan makalah-makalah kepada akhbar *Saudara*.⁷⁰

Selain dari persidangannya yang pertama di Taiping, PASPAM berjaya mengadakan persidangan agung seterusnya di Kuala Lumpur (1935), Pulau Pinang (1936), Singapura (1937), Ipoh (1938) dan Seremban (1939). Bagaimanapun pada akhir tahun 1937 perselisihan berlaku antara ibu pejabat yang dikuasai oleh Melayu peranakan dengan cawangan-cawangan yang dikuasai oleh orang-orang Melayu 'jati'. Walaupun dikatakan perselisihan itu timbul dari pembahagian otonomi kepada cawangan, tetapi ada ciri-ciri yang menunjukkan bahawa perselisihan itu berasaskan kepada konflik kepimpinan. Cawangan-cawangan tidak setuju kepimpinan PASPAM dipegang oleh orang-orang Pulau Pinang yang dikatakan bukan 'Melayu jati'.⁷¹ Kemuncak kepada konflik ini ialah perletakan jawatan sebagai Setiausaha Agung oleh Syed alwi bin Syed Sheikh Al Hadi, Zainal Abidin bin Ahmad (ZAABA) menggantikan Sheikh Abdullah sebagai Penasihat Agung dan perombakan perlembagaan dengan memberi kuasa yang bertambah kepada cawangan-cawangan. Dengan itu peranan orang-orang Melayu di Pulau Pinang khususnya golongan peranakan dalam gerakan Melayu Tanah Melayu mulai luntur dan sebaliknya tampuk kekuasaan gerakan tersebut mulai berpindah kepada pemimpin-pemimpin Melayu di Selangor dan Singapura.

Sementara itu sekumpulan orang-orang Melayu Pulau Pinang yang berpendidikan sekolah Arab mula tertarik dengan kegiatan-kegiatan orang-orang Melayu Singapura. Pada awal tahun 1937 Kesatuan Melayu Pulau Pinang (KMPP) iaitu cawangan kepada Persatuan Melayu Singapura telah ditubuhkan di Pulau Pinang.⁷² Bagaimanapun apabila Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan ramai di antara ahli-ahli dan pemimpin-pemimpinnya menjadi ahli dan memimpin pertubuhan baru itu.⁷³

KMM ditubuhkan di Kampung Baru, Kuala Lumpur pada bulan Mei 1937 atas kesedaran mahu 'memperjuangkan pembebasan dari penjajah dan mengembalikan kemerdekaan bangsa dan tanahair'.⁷⁴ Pengaruh KMM mula meresap ke Pulau

70 *Ibid.*, 4.2.1935, h. 11.

71 Lihat, Roff, *op. cit.*, p. 220. Lihat juga, *Majlis*, 4.2.1938, h. 6.

72 Roff, *op. cit.*, p. 236.

73 Keterangan dari Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya secara bersurat bertarikh 25.10.1976. Keterangan ini disokong oleh Mohd Zain bin Ahmad. Temutanya secara bersurat bertarikh 10.6.1976.

74 Keterangan mengenai KMM di Pulau Pinang diperolehi dari Mohamed Nor bin Ahmad,

Pinang melalui ceramah-ceramah dan syarahan-syarahan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin pusat KMM. Syarahan dan ceramah dari pemimpin-pemimpin pusat KMM ini, termasuk Ibrahim bin Yaakob, mendapat sambutan dari penduduk-penduduk tempatan terutamanya golongan muda yang mendiami di sekitar George Town termasuk pelajar-pelajar sekolah Al Masyhur dan Al Huda.

Berikutan dengan itu satu perjumpaan telah diadakan di rumah Puteh Badri bin Che Mat di No. 251 Malacca Street, Pulau Pinang dengan tujuan menubuhkan KMM cawangan Pulau Pinang. Perjumpaan yang dihaziri oleh lebih kurang lima belas orang itu telah membentuk satu Jawatankuasa⁷⁵ terdiri dari, Puteh Badri bin Che Mat (Presiden), Shuib bin Ahmad (Naib Presiden), Mohd. Saman bin Rais (Setiausaha), dan Abu Bakar bin Mohd. Noor (Bendahari).⁷⁶

Puteh Badri bin Che Mat ialah seorang kerani di *Eastern Semlting* Pulau Pinang. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Al Masyhur Pulau Pinang dan fasih berbahasa Inggeris. Sementara ahli-ahli Jawatankuasa yang lain yang juga telah mendapat pelajaran mereka di Sekolah Al Masyhur ialah Abu Bakar bin Mohd Noor, Mohamed Nor bin Ahmad, dan Hashim bin Mohamad.⁷⁷

Beberapa keputusan telah dibuat dalam perjumpaan penubuhan itu. Antaranya termasuklah usaha menambahkan keahlian KMM dengan menubuhkan ranting-ranting KMM cawangan Pulau Pinang di Sekolah Al Masyhur dan di akhbar *Saudara*. Di samping itu usaha akan dijalankan untuk menyebarkan pengaruh kepada persatuan-persatuan sosial Melayu yang terdapat di Pulau Pinang.

Penubuhan KMM telah mendapat sambutan penduduk-penduduk Melayu Pulau Pinang khususnya mereka yang tinggal di sekitar bandar George Town. Pejabat KMM di Malacca Street sentiasa dikunjungi oleh ahli-ahli dan mengeluarkan rasa tidak puashati terhadap majikan.⁷⁸ Kejayaan KMM di Pulau Pinang pada peringkat awalnya terletak di atas beberapa faktor. Keradikalan Ibrahim bin Yaakub dan pemimpin-pemimpin KMM pusat serta asas-asas perjuangan yang dibawa oleh KMM lebih memberi keyakinan dari pertubuhan-pertubuhan Melayu yang lain di Pulau Pinang. Laungan 'kebebasan dan kemerdekaan bangsa' adalah sesuatu yang belum diperkatakan sebelum ini. Tambahan pula telah ujud prasangka di kalangan orang-

Ibrahim bin Mahmood, Mohd Zain bin Ahmad dan rujukan kepada, Abdul Malek bin Haji Md Hanafiah, "Perjuangan Kesatuan Melayu Muda 1937-1945". Latihan Ilmiah Tahun Keupjian, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974.

75 Nama-nama ahli Jawatankuasa ini dikutip dari Abdul Malek bin Md Hanafiah, *op. cit.*, h. 169. Jawatan-jawatan Presiden, Naib Presiden, Setiausaha dan Ahli Jawatan Kuasa Hashim bin Mohamad disahkan oleh Ibrahim bin Mahmood. Temutanya di rumah beliau pada 17.4.1976.

76 Ahli-ahli Jawatankuasa ialah Abdul Majid, Syed Alwi bin Syed Sheikh Al Hadi, Mohamed Nor bin Ahmad, Hashim bin Mohamad, dan Hassan bin Sheikh Ahmad.

77 Lihat, Abdul Malek bin Md. Hanafiah, *ibid.*, h. 145. Disahkan oleh Ibrahim bin Mahmood.

78 *Ibid.*, h. 170.

orang Melayu Pulau Pinang terhadap PMA.⁷⁹ Apabila KMM ditubuhkan golongan yang 'eblum berpersatuan' dan ahli PMA yang tidak puashati dengan pucuk pimpinan PMA memasuki KMM. Di samping itu ramai di antara pemimpin-pemimpin KMM cawangan Pulau Pinang adalah ahli PASPAM. Ini membolehkan ahli-ahli KMM menggunakan akhbar *Saudara* sebagai medan meluaskan perjuangan KMM. Bagaimanapun sebagai sebuah pertubuhan yang radikal pada masa itu, KMM dicurigai oleh Pemerintah Inggeris. KMM terpaksa menjalankan kegiatannya secara sulit apabila pemimpin-pemimpinnya ditahan oleh Pemerintah Inggeris.⁸⁰

Kesimpulan

Fakta-fakta di atas menunjukkan bahawa pada dekad-dekad awal kurun ke dua-puluh hingga membawa kepada pecahnya Perang Pasifik, Negeri Pulau Pinang khususnya Pulau Pinang menjadi arena kegiatan gerakan kesedaran orang-orang Melayu. Gerakan kesedaran ini timbul dan berkembang dari penglihatan dan pengalaman berhubung dengan kegiatan-kegiatan kaum mendatang dalam aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik. Tambahan pula masyarakat Melayu merasa bimbang dengan keadaan orang-orang Melayu pada masa itu dan ramalan-ramalan tentang kemungkinan buruk masa depan sosial, ekonomi dan politik mereka.

Kesedaran ini pada mulanya dijelmakan dalam bentuk seruan-seruan dan saranan-saranan melalui akhbar-akhbar *Saudara* dan *Idaran Zaman* serta majalah *Al Ikhwan*. Kemudiannya muncul pertubuhan-pertubuhan Melayu seperti PMA, PMSP, KMPP, KMM dan PASPAM. Pertubuhan-pertubuhan yang awal seperti PMA dan PMSP lebih memperlihatkan kecenderungan untuk memperjuangkan ekonomi dan sosial orang-orang Melayu. Tetapi pada tahun-tahun akhir 1930an pertubuhan-pertubuhan seperti PASPAM, KMPP dan KMM lebih memperlihatkan kecenderungan untuk memperjuangkan ekonomi dan sosial orang-orang Melayu. Tetapi pada tahun-tahun akhir 1930an pertubuhan-pertubuhan seperti PASPAM, KMPP dan KMM lebih memperlihatkan kecenderungannya memperjuangkan kepentingan politik. Pada masa inilah gerakan kesedaran orang-orang Melayu Negeri Pulau Pinang mula memperlihatkan ciri-ciri sebagai sebuah gerakan politik. Bagaimanapun perkembangan yang menuju ke arah satu bentuk gerakan politik Melayu yang padu di Negeri Pulau Pinang terhalang kerana adanya hubungan yang tidak baik dengan gerakan-gerakan Melayu di Negeri-negeri Melayu berhubung dengan polemik 'DKK-DKA' dan 'takrif Melayu'. Polemik ini juga mengujudkan suasana tidak bersatu di kalangan masyarakat Melayu di Negeri Pulau Pinang. Tambahan pula gerakan kesedaran Melayu yang mirip kepada perjuangan politik sentiasa menghadapi tindakan yang merugikan dari Pemerintah Inggeris.

79 Keterangan Ibrahim bin Mahmood. Temutanya pada 17.4.1976. Keterangan ini dinafikan oleh Mohd Zain bin Ahmad yang mengatakan tidak ada permusuhan KMM dengan PMA kerana ramai di antara ahli PMA menjadi ahli KMM.

80 Zainal Abidin bin Abdul Wahid, (ed.), *Glimpses of Malaysian History*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, p. 95.

Gerakan kesedaran orang-orang Melayu menghadapi tahap baru dalam perkembangannya semasa Pendudukan Jepun. Walaupun pertubuhan-pertubuhan Melayu, kecuali KMM, tidak dibenarkan bergerak, pengalaman orang-orang Melayu pada masa itu telah menguatkan kesedaran politik mereka. Kesedaran politik yang lebih padu ditunjukkan dalam tahun 1946 menentang Inggeris dan gagasan *Malayan Union*.